



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN KURIKULUM BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
NYANYIAN LAGU MELAYU ASLI UNTUK
INSTITUSI PENDIDIKAN FORMAL

TENGGU RITAWATI BINTI TENGGU DACHLAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN MUZIK)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk meneliti aspek-aspek teknik dan estetik Nyanyian Lagu Melayu Asli (NLMA) dalam transmisinya secara tradisional, seterusnya disinergikan dengan ilmu pendidikan muzik bagi membangunkan kurikulum yang dapat diaplikasikan ke dalam pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan formal. Penyelidikan ini melibatkan kerja lapangan dengan menggunakan teknik temu bual separa struktur terhadap empat orang lagenda NLMA, kajian perpustakaan, kajian diskografi, dan nota lapangan untuk pengumpulan data yang selanjutnya diolah dengan mengimplementasikan kaedah deskriptif-analisis. Hasil daripada penyelidikan ini adalah sebuah Rancangan Reka bentuk Kurikulum (RK) dan Rancangan Instruksional (RI) Pengajaran dan Pembelajaran NLMA dalam institusi pendidikan formal mengikut format standard kurikulum yang digariskan oleh Bahagian Pembangunan Akademik dan Kualiti (BPAQ) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penyelidikan ini menyimpulkan bahawa budaya muzikal tempatan seharusnya mendapat tempat dalam pendidikan formal melalui proses penstrukturan yang sistematik dan pengesahan pakar. Penyelidikan ini telah menghasilkan sebuah model pembelajaran dan pengajaran merangkumi kemahiran dan pengetahuan NLMA dalam pendidikan formal yang diharapkan memberi sumbangan signifikan terhadap kelestarian NLMA pada masa hadapan.



DEVELOPMENT OF A CURRICULUM FOR THE TEACHING AND LEARNING OF NYANYIAN LAGU MELAYU ASLI FOR FORMAL EDUCATION INSTITUTION

ABSTRACT

The aim of this research is to examine both the technical and aesthetics aspects of Nyanyian Lagu Melayu Asli (NLMA) in traditional transmission, and then synergized with knowledge of music education in order to develop a curriculum that can be applied into the teaching and learning in formal educational institutions. This research involves fieldwork activities utilizing a semi-structured interview with four maestros of NLMA, library study, discography study and the field notes for the data collection that was further examined by implementing descriptive-analytic method. The product of this research is an establishment of a Curriculum Design and an Instructional Plan for the teaching and learning of NLMA in formal higher educational institution setting based on curriculum standard format outlined by Division for Academic Development and Quality (BPAQ), Sultan Idris Education University (UPSI). This research concluded that local musical culture should have a place in formal education through a systematic process of structuring and expert's validation. This research has produced a model of learning and teaching which include skills and knowledge of NLMA in formal education setting, which hopefully could significantly contribute towards the sustainability of NLMA in the future.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi



BAB I PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.1.1	Pengajaran dan pembelajaran seni vokal	2
1.1.2	Gagasan tentang NLMA di dalam pendididkan muzik	7
1.2	Latar belakang kajian	9
1.3	Konteks penyelidikan	12
1.4	Permasalahan kajian	15
1.5	Tujuaan kajian	18
1.6	Objektif kajian	18
1.7	Persoalan kajian	19
1.7.1	Persoalan umum	19



1.7.2	Persoalan khusus	20
1.8	Batasan Kajian	20
1.8.1	Tempat	20
1.8.2	Informan	21
1.8.3	Metodologi	21
1.9	Kerangka konseptual kajian	21
1.10	Kepentingan Kajian	25
1.11	Daftar Istilah	26
1.11.1	Nyanyian	26
1.11.2	Lagu	26
1.11.3	Melayu	26
1.11.4	Melayu Diaspora	27
1.11.5	Asli	27
1.11.6	Pengajaran dan pembelajaran	27
1.11.7	Institusi pendidikan formal	27
1.11.8	<i>Melisma</i>	28
1.11.9	<i>Cengkok</i> atau <i>Lenggok</i>	28
1.11.10	Pengajian Emik dan Etik	28
1.12	Penutup	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	30
2.2	Proses transmisi (pewarisan) NLMA	31
2.3	Pembelajaran formal, pembelajaran informal dan pembelajaran Non-formal	36

2.3.1	Pembelajaran formal	39
2.3.2	Pembelajaran informal	41
2.3.3	Pembelajaran non-formal	44
2.4	Nyanyian Lagu Melayu Asli (NLMA)	46
2.4.1	Latar belakang sejarah NLMA	46
2.4.2	Pemetaan penyebaran NLMA	53
2.5	Teori pengajaran dan pembelajaran vokal Arthur Lessac	56
2.5.1	Prinsip-prinsip bioneural di dalam vokal	56
2.5.2	Pengalaman dan kecerdasan bathiniah (<i>Inner experience and Intelligence</i>)	57
2.5.3	Mengalami perasaan (<i>Experiencing the feeling</i>)	58
2.5.4	Merasakan pengalaman (<i>Feeling the experience</i>)	59
2.6	Teori kritik pengajaran dan pembelajaran muzik oleh Masafumi Ogawa	59
2.6.1	Pengajaran dan pembelajaran muzik non-barat	60
2.6.2	Muzik tempatan sebagai inti	61
2.6.3	Dasar pendidikan muzik	62
2.7	Teori hubungan global, regional, dan lokal oleh Richard Edwards dan Robin Usher	63
2.7.1	Globalisasi dan kawalan terhadap kurikulum	63
2.7.2	Pentingnya elemen lokal dan regional di dalam kurikulum	65
2.8	Teori keterampilan muzikal dan persepsi muzikal oleh Gary Spruce	65
2.8.1	Pendidikan muzik	66
2.8.2	Pendidikan muzikal	66
2.8.3	Pendidikan melalui muzik	67
2.9	Penutup	68

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	69
3.2	Reka bentuk kajian	72
3.3	Prosedur kajian	74
3.3.1	Fasa satu	74
3.3.2	Fasa dua	74
3.4	Kaedah pengumpulan data	76
3.4.1	Temu bual	76
3.4.2	Kajian perpustakaan	79
3.4.3	Diskografi	80
3.4.4	Nota lapangan	81
3.5	Informan	81
3.5.1	Tan Sri Dato' S.M. Salim	82
3.5.2	Aspalela Abdullah	83
3.5.3	Nur 'Ainun	83
3.5.4	Tengku Hamidah	84
3.6	Analisa Data	85
3.7	Penstrukturan pengajaran dan pembelajaran NLMA di institusi pendidikan formal	87
3.8	Penilaian pakar	89
3.9	Penutup	90

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	91
4.2	Dapatan dari temu bual	94
4.2.1	Latar belakang muzikal tokoh NLMA	94



4.2.2	Pengertian mengenai gaya individual dalam NLMA berdasarkan kualiti kemerduan (<i>Sonority</i>)	96
4.2.3	Pengertian mengenai <i>lenggok</i> atau <i>cengkok</i> (<i>Melismatic</i>)	100
4.2.4	Gaya individual dalam menyanyikan NLMA berdasarkan artikulasi	118
4.2.5	Ekspresi dalam NLMA	124
4.3	Dapatan kajian perpustakaan	131
4.3.1	Pantun sebagai seni sastera	131
4.3.2	Pantun sebagai budaya masyarakat Melayu	133
4.3.3	Pantun sebagai 'jiwa' NLMA	135
4.3.4	Peranan NLMA sebagai 'jati diri' masyarakat Melayu	142
4.4	Penutup	144

BAB 5 SUKATAN PELAJARAN NLMA

5.1	Pengenalan	145
5.2	Rancangan reka bentuk Kurikulum (RK) kursus pengenalan kepada pengajaran dan pembelajaran NLMA	147
5.3	Rancangan Instruksional (RI) kursus pengenalan kepada pengajaran dan pembelajaran NLMA	152
5.3.1	Jadual pengajaran 14 Minggu	152
5.3.1.1	Minggu 1: Pengenalan umum NLMA	153
5.3.1.2	Minggu 2: Tokoh-tokoh NLMA	157
5.3.1.3	Minggu 3: Pengenalan repertoire NLMA	164
5.3.1.4	Minggu 4: Interpretasi teks NLMA	166
5.3.1.5	Minggu 5: Instrumen muzik NLMA	169
5.3.1.6	Minggu 6: Teknik vokal NLMA	172

5.3.1.7	Minggu 7: Teknik vokal NLMA	178
5.3.1.8	Minggu 8: Teknik <i>phrasing</i> (pemenggalan kalimat lagu)	183
5.3.1.9	Minggu 9: Gaya nyanyian rentak Joget NLMA	190
5.3.1.10	Minggu 10: Gaya nyanyian rentak Inang NLMA	192
5.3.1.11	Minggu 11: Gaya nyanyian rentak Zapin NLMA	193
5.3.1.12	Minggu 12: Gaya nyanyian rentak Langgam NLMA	195
5.3.1.13	Minggu 13 dan 14: Persembahan NLMA	197
5.4	Rakaman CD NLMA	198
5.5	Penutup	199

BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	200
6.2	Kesimpulan	201
6.3	Cadangan	211
6.4	Kritikan dan saranan	213
6.5	Penutup	215

RUJUKAN	216
----------------	-----

DISKOGRAFI	220
-------------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

5.1	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 1	153
5.2	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 2	157
5.3	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 3	164
5.4	Senarai 10 lagu-lagu NLMA	165
5.5	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 4	166
5.6	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 5	169
5.7	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 6	172
5.8	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 7	178
5.9	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 8	183
5.10	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 9	190
5.11	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 10	192
5.12	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 11	193
5.13	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 12	195
5.14	Rancangan Instruksional (RI) NLMA Minggu 13 -14	197



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka konseptual kajian	22
2.1 Prospek hasil Penyelidikan	35
2.2 Perkembangan seni sastra di Iran-Persia	50
2.3 Cakupan wilayah Nusantara abad ke-14 Minus Madagaskar	53
3.1 Reka bentuk penyelidikan kualitatif	73
3.2 Prosedur kajian	76
4.1 Contoh <i>Acciaccatura</i> di dalam NLMA 'Lagu Anak Tiung'	106
4.2 Contoh <i>Double Appogiatura</i> di dalam NLMA 'Lagu Anak Tiung'	106
4.3 Contoh <i>Triple Appogiatura</i> di dalam NLMA 'Lagu Anak Tiung'	109
4.4 Contoh <i>Mordent</i> di dalam NLMA 'Lagu Jalak Lenteng'	110
4.5 Contoh <i>Gruppetto</i> di dalam NLMA 'Lagu Seri Mersing'	111
4.6 Contoh Not Penyelesaian di dalam NLMA 'Lagu Makan Sirih'	112
4.7 Contoh Not Luncuran di dalam NLMA 'Lagu Mak Inang Pulau Kampai'	112
4.8 Contoh <i>Trill</i> atau not-not yang mengalun seperti ombak di dalam NLMA 'Lagu Mak Inang Pulau Kampai'	114
4.9 Notasi dasar NLMA 'Lagu Anak Tiung' yang tidak menuliskan <i>Lenggok</i> atau <i>Cengkok</i> (Not Ornamentasi)	116
4.10 Notasi 'Lagu Anak Tiung' yang menuliskan <i>Lenggok</i> atau <i>Cengkok</i> (Not Ornamentasi)	117



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BPAQ	Bahagian Pembangunan Akademik dan Qualiti
NLMA	Nyanyian Lagu Melayu Asli
RI	Rancangan Instruksional
RK	Reka bentuk Kurikulum
UIR	Universiti Islam Riau
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temu bual
- B Model kurikulum Tyler 1949 setelah diubah suai dalam bentukjadual untuk Rancangan Instruksional (RI) NLMA
- C Protokol penilaian RK dan RI
- D Daftar dokumentasi diskografi
- E Reka bentuk Kurikulum (RK) kursus pengenalan pengajaran dan pembelajaran NLMA
- F Rancangan Instruksional (RI) kursus pengenalan pengajaran dan pembelajaran NLMA
- G Transkripsi temu bual Tan Sri Dato' S.M. Salim
- H Transkripsi temu bual Aspalela Abdullah
- I Transkripsi temu bual Nur 'Ainun
- J Transkripsi temu bual Tengku Hamidah
- K Transkripsi temu bual Prof. Madya Ahmad Fuad Dahlan
- L Dokumentasi Notasi lagu Melayu Asli (NLMA)
- M CD NLMA



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Nyanyian adalah suatu bentuk ekspresi personal dan budaya yang asas dalam bidang muzik. Sebagai teks sejarah dan sosial, karya-karya muzik dan nyanyian menggunakan berbagai-bagai isyarat dan simbol tradisional yang bersifat alternatif samada yang diperdengarkan atau dipersembahkan. Melalui nyanyian, kita dapat mengapresiasi dan memahami keragaman khazanah budaya nusantara dan budaya negara lainnya. Secara tidak langsung juga, melalui nyanyian kita dapat memahami jatidiri kita sebagai makhluk yang merupakan sebahagian daripada alam semesta yang luas.



Penyelidikan ini, pada umumnya daripada keinginan untuk memahami budaya muzikal dan nyanyian nusantara, dan secara khususnya terhadap nyanyian Lagu Melayu Asli (NLMA) sebagai khazanah budaya Melayu serumpun. NLMA dipilih sebagai aspek utama penyelidikan kerana genre ini telah menjadi warisan bagi bangsa Melayu serumpun di serata dunia dengan memiliki sejarahnya yang tersendiri.

1.1.1 Pengajaran dan pembelajaran seni vokal

Pengajaran dan pembelajaran seni vokal sering dibincangkan oleh tokoh-tokoh bidang yang berkenaan. Tiga teori yang cukup relevan digunakan sebagai pendekatan ialah, Arthur Lessac (1997), Ogawa (2010), Richard Edwards dan Robin Usher (2008). Arthur Lessac menyatakan bahawa seseorang harus mengembangkan kesedaran akan prinsip-prinsip bioneural (sistem saraf yang hidup) di dalam tubuhnya dan mekanismanya sebelum melatih dan mengembangkan vokalnya. Berikutan itu, Arthur Lessac (1997) menjelaskan bahawa penting sekali mengetahui apa yang ingin kita capai, bagaimana cara mencapainya, dan bagaimana melengkapi tubuh kita agar secara optimal dapat memenuhi apa yang diinginkan. Berdasarkan penjelasan tersebut dapatlah difahami bahawa seseorang penyanyi harus memiliki pengetahuan dan perasaan tentang bagaimana sistem tubuh bekerja dan bagaimana organ-organ bunyi berfungsi sebagai ilmu asas sebelum seseorang mampu untuk berbicara, menyanyi dan bertingkahtaku secara professional. Ringkasnya, menurut Athur Lessac, penyanyi harus mencapai kecerdasan dan pengalaman batiniah (*inner experience and intelligence*) serta kesedaran mengenai pengetahuan teknikal berkaitan fundamental yakni mengenai prinsip-prinsip bioneural



dan sinergi tubuh. Tidak kurang pentingnya, seseorang penyanyi harus dapat mengerti secara organologi bagaimana secara fizikalnya mengalami perasaan (*experiencing the feeling*) dan pada waktu yang sama merasakan pengalaman (*feeling the experience*).

Teori di atas dapat dihubungkan dalam konteks NLMA dimana seseorang penyanyi NLMA haruslah memahami senergi sistem saraf tubuh dan bagaimana mengelola tenaga yang ada di dalam tubuh. Sebagai contoh, bagi mengelakkan suara supaya tidak menjadi serak sewaktu menyanyikan melodi-melodi yang tinggi. Penyanyi NLMA juga harus mencapai kecerdasan dan pengalaman batiniah yang tinggi agar dapat menginterpretasikan teks yang bernilai tinggi. Secara lebih terperinci, dalam NLMA, seseorang juga harus mampu mengalami perasaan tentang makna teks dan pada waktu yang sama juga harus mampu merasakan pengalaman dengan mengekspresikan nuansa batin pengarangnya.

Teori yang kedua menyentuh tentang muzik Barat telah mendasari pengajaran dan pembelajaran muzik di dalam institusi pendidikan formal di kebanyakan negara Asia. Di Jepun misalnya, sesuatu yang mengejutkan bagi orang luar untuk mengetahui bahawa dalam tahun 2008, kurikulum pendidikan muzik di Jepun masih tidak menggunakan muzik asli Jepun sebagai dasar. Meskipun muzik Jepun dewasa ini masih telah dimasukkan secara luas ke dalam buku-buku muzik, tetapi kurikulum di Jepun secara asasnya berpusat pada muzik Barat. Erti kata lain, muzik tonal dan sistem notasi muzik Barat telah menjadi normatif. Menurut Ogawa (2010), alat muzik tradisional seperti koto

dan taiko mulai diperkenalkan tetapi masih kurang jika dibandingkan dengan alat muzik Barat. Selanjutnya Ogawa (2010) menjelaskan:

It must, of course, be recalled that in Asian countries including Japan, Western music was inseparable from industrialization and imperialism, since it was imported and implanted along with political and economical ideologies during the nineteenth century(p.205).

Bermaksud:

Seharusnya diingat bahawa di negara-negara di Asia termasuk Jepun, muzik Barat tidak dapat dipisahkan dari industrialisasi dan imperialisme, kerana muzik Barat itu diimport dan ditanamkan bersamaan dengan ideologi politik dan ekonomi sewaktu abad ke Sembilan belas(ms.205).

Selanjutnya, Ogawa mengajukan tiga persoalan yang relevan dengan permasalahan pendidikan muzik di Indonesia dan Malaysia. Ketiga pertanyaan tersebut adalah:

- i. Mengapa kurikulum muzik sekolah di Jepun mengarah ke Barat?
- ii. Haruskah muzik asli Jepun digunakan sebagai inti?
- iii. Apakah pemikiran yang menyokong pendidikan muzik di Jepun secara fundamental tidak kukuh?

Umumnya dewasa ini para lulusan perguruan tinggi dengan major muzik dan mengajar di sekolah menengah telah dilatih dengan baik serta memiliki ketrampilan

dalam bidang persembahan. Malangnya, ketrampilan mereka ini biasanya berfokus kepada alat muzik Barat. Mereka ini telah mencapai standard yang tinggi dalam memainkan piano atau menyanyikan lagu-lagu *aria* dengan teknik *bel canto*, tetapi hanya sedikit diantara mereka yang dapat memainkan alat muzik Jepun. Senario ini menyebabkan kebanyakan guru muzik mengajar muzik klasik Barat, melainkan mereka yang telah didedahkan dengan muzik lain-lain jenis muzik di institusi pengajian tinggi. Meskipun kerajaan menganjurkan kepada para guru muzik untuk mengajar muzik tradisional Jepun, namun demikian struktur kursus perguruan dan latarbelakang guru itu sendiri menyulitkan persediaan guru untuk mencapai matlamat tersebut.

Berkaitan dengan persoalan yang ketiga, Ogawa menegaskan: *“I believe that music education has not been implemented properly and is flawed from a philosophical viewpoint. As we have seen, music education was introduced as a means of effecting a moral education for young people”* (p.217). Bermaksud: “Saya percaya bahawa pendidikan muzik tidak dilaksanakan dengan betul dan terdapat kepincangan dari sudut pandangan falsafah. Seperti yang kita lihat, pendidikan muzik telah diperkenalkan dengan tujuan memberi pendidikan moral kepada orang muda” (ms.217).

Teori kritis seperti yang dikhabarkan oleh Ogawa ini telah menjadi pedoman untuk menganalisa sistem pendidikan muzik di Indonesia dan Malaysia.

Teori ketiga yang ingin dikemukakan khususnya tentang pengajaran dan pembelajaran muzik ini adalah mengenai isu global, serantau dan tempatan. Richard Edwards dan Robin Usher (2008) mengatakan bahawa:

... we would argue that attempts to tighten control of the curriculum at state level do not, as it is often suggested, undermine the globalization thesis but can be understood as a dimension of the contemporary interrelationship between the global, regional and the local(p.53).

Bermaksud:

... kami nyatakan bahawa usaha-usaha untuk mengetatkan kawalan atas kurikulum pada peringkat pemerintahan tidak akan, seperti sering diduga, meremehkan kajian tentang globalisasi melainkan dapat difahami sebagai satu dimensi perhubungan kontemporari antara global, serantau dan tempatan (ms.53).

Kaitannya tentang pengajaran dan pembelajaran vokal, teori kritik tentang pendidikan muzik dan teori yang dikhususkan mengenai globalisasi, serantau dan tempatan, telah menjadi landasan berfikir sewaktu menganalisa aspek NLMA dalam pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan formal.

Secara keseluruhannya, perkaitan isu di atas dengan NLMA dapat dilihat bahawa semua teori tersebut menegaskan tentang kepentingan untuk memasukkan elemen pendidikan muzik asli tempatan supaya bangsa berkenaan tidak akan kehilangan jati diri dalam era globalisasi ini.

1.1.2 Gagasan tentang NLMA di dalam pengajaran dan pembelajaran muzik

Pengajaran dari senario pendidikan muzik di Jepun, maka kita dapati bahawa dalam kalangan para pendidik muzik pun sudah mulai ada keinginan untuk memperkasakan muzik tempatan ke dalam kurikulum pendidikan muzik yang selama ini dipengaruhi pendidikan muzik Barat. Oleh itu, gagasan tentang NLMA dalam pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan formal perlu didokong dengan beberapa pendekatan. Berikut adalah perbincangan-perbincangan tentang kepentingan untuk memasukkan nilai-nilai tempatan ke dalam pengajaran dan pembelajaran muzik di era global kini.

Gary Spruce (2002) menetapkan perbincangan utama mengenai pengajaran dan pembelajaran muzik adalah untuk menentukan yang manakah lebih penting samada ketrampilan muzikal atau menanamkan kemampuan persepsi muzikal. Pelbagai jawapan yang ada, malangnya belum sampai kepada sesuatu yang memuaskan semua pihak. Oleh yang demikian, kita perlu kembali kepada pengertian pendidikan muzik itu sendiri. Terdapat tiga kategori yang diutarakan oleh Janet Hoskyns dalam Gary Spruce (2002) yang mana semuanya memiliki nilai kebenaran utama tentang dasar pendidikan muzik: (i) pendidikan muzik, (ii) pendidikan muzikal dan (iii) pendidikan melalui muzik.

i. Pendidikan muzik adalah yang paling utama diantara ketiganya. Ia merupakan jalan bagi seseorang yang ingin faham tentang muzik. Ia boleh berbentuk pendidikan



formal, yang berasaskan proses atau pengembangan informal dalam usaha memahami dasar muzik dan mekanisme produksinya.

- ii. Pendidikan muzikal mengembangkan pemahaman terhadap muzik secara berfokus dan profesional. Bentuknya boleh berupa aktiviti mempertunjukkan kebolehan memainkan alat muzik atau menulis komposisi. Hasil daripada pendidikan muzikal akan menggambarkan perkembangan kesedaran muzikal seseorang dan potensi untuk menjadi seorang ahli muzik. Inilah yang sering menjadi objektif utama di institusi pengajian muzik di sesebuah fakulti, konservatori muzik, sekolah dan institusi-institusi pendidikan muzik.
- iii. Pendidikan melalui muzik menunjukkan satu proses di mana muzik digunakan sebagai alat untuk pendidikan, tetapi hasilnya mungkin bukan dalam bentuk muzik. Contohnya, seseorang boleh menjadi sebagai orang yang sangat bersemangat atau tertarik untuk bekerja di dalam kelompok sosial yang kecil kesan daripada pendidikan melalui muzik. Besar kemungkinan orang-orang seperti ini memiliki minat yang tinggi terhadap muzik.

Berpanduan ketiga-tiga dasar yang diutarakan oleh Gary Spruce (2002) di atas, sebenarnya tujuan utama pendidikan muzik adalah perkembangan seseorang individu sebagai ahli sosial, seseorang yang mudah bergaul di dalam masyarakat dan bukan hanya sebagai seorang pemuzik profesional. Dalam berbagai kes yang ada, kita tidak mengetahui secara tepat apa yang tergolong dalam kriteria 'sebuah pendidikan muzik'. Tetapi dengan menggunakan ketiga-tiga dasar tersebut, kita dapat mengukur seseorang dari pengalaman muzikal yang dimilikinya.



Umumnya, NLMA adalah sebagai sebahagian daripada budaya Melayu sudah tentu tidak boleh dipisahkan dari masyarakat Melayu. Seperti yang dikatakan oleh Kabalevsky (1988) dalam Gary Spruce (2002), pendidikan muzik dengan sendirinya akan menggambarkan kedudukan muzik dalam masyarakat melalui sistem pendidikan formal dan informal. Pendapat ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Swanwick (1988) dikutip oleh Janet Hoskyns dalam Gary Spruce (2002) yang menyatakan bahawa pendidikan muzik di sekolah-sekolah dan di institusi pendidikan tinggi merupakan proses elemen kebudayaan yang penting bagi kebudayaan kita untuk diperbaharui.

Dari huraian di atas menampakkan bahawa NLMA boleh dimasukkan ke dalam pengajaran dan pembelajaran muzik, khususnya bertepatan dasar ke tiga, yang diertikan bahawa tujuan utama sistem pendidikan adalah perkembangan individu sebagai sebahagian dari sistem sosial.

1.2 Latarbelakang Kajian

Penyelidikan ini adalah berfokus kepada NLMA dalam pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan formal. Sehubungan dengan itu, pemilihan topik penyelidikan ini adalah berkaitan dengan 5 W dan 1 H (*Why, Where, What, Who, When* dan *How to do?*). Persoalan pertama adalah mengapa (*why*) penyelidikan ini penting untuk dilakukan. Jawapannya adalah kerana genre ini memiliki latarbelakang sejarah dan keistimewaan muzikalnya yang tersendiri, bersifat asli dan unik untuk dimasukkan ke dalam pengajaran

dan pembelajaran muzik. Latarbelakang sejarah genre ini agak kabur, akan tetapi satu andaian menyatakan bahawa genre ini ada bersamaan dengan kemunculan hikayat-hikayat Melayu seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Malim Deman, Hikayat Malim Dewa, dan sebagainya, yakni sekitar abad 16 Masehi (Mohd. Zain dan Hj. Hamzah, 1961) Jika demikian halnya, maka boleh dikatakan bahawa genre ini adalah antara jenis lagu popular tertua di dunia, iaitu telah berusia lebih daripada 500 tahun. Oleh kerana genre ini tidak terdapat di bahagian dunia lain kecuali di sekitar pertumbuhan budaya Melayu serumpun, maka genre ini bersifat asli dan unik.

Persoalan kedua mengenai di mana (*where*) genre ini dapat dijumpai. Oleh kerana bangsa Melayu tertua adalah berasal dari jajirah Sumatra sebelum menyebar ke berbagai wilayah di Semenanjung Melayu sekarang ini, maka boleh dikatakan bahawa genre ini berasal dari Sumatera. Dalam konteks penyelidikan ini, pengkaji berfokus kepada NLMA yang penyebarannya meliputi kawasan Melayu serumpun, iaitu Indonesia hingga ke Malaysia. Genre ini memiliki ciri khas yang tersendiri seperti yang terdapat pada *cengkok/ lenggok* dan gaya nyanyian. Hal ini telah dihuraikan dengan lebih lanjut pada bahagian analisa kajian.

Persoalan ketiga tentang apa (*what*) yang dimaksud dengan NLMA. NLMA merupakan tradisi melontarkan suara dengan irama tertentu. Ragam suara disesuaikan dengan makna yang akan disampaikan oleh teks lagu tersebut. Contohnya dalam Lagu Tudung Periuk, disampaikan untuk menggambarkan sikap kerendahan hati orang Melayu dalam perspektif kehidupan dan hubungan sesama manusia. Hal yang lain juga

memperlihatkan tentang budi pekerti dan elok bahasa orang Melayu dalam tata pergaulan. Teks NLMA bersifat sangat terbuka. Banyak NLMA yang teks pantunnya dikembangkan dan diubahsuai dengan lokasi negeri di mana lagu tersebut dipopularkan. Hasan (2002) mencatatkan bahawa muzik Melayu sebatian dengan masyarakat Melayu itu sendiri, dan sebahagian besar telah menjadi milik sejagat orang Melayu di dunia. Muzik Melayu yang rumahnya di Riau, atau di mana sahaja semuanya memiliki perwatakan yang hampir sama. Pengisian yang terkandung di dalam muzik dan teks tentulah memberi makna tertentu dalam kehidupan masyarakat.

Persoalan keempat tentang siapa (*who*) tokoh-tokoh lagenda NLMA yang diiktiraf dalam genre ini dan boleh dijadikan informan. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah mengenalpasti tokoh-tokoh penyanyi NLMA dari Riau, Medan dan Malaysia sebagai informan.

Selanjutnya berkaitan persoalan bila masanya (*when*). Penyelidikan ini telah mengkaji sejarah latarbelakang kewujudan NLMA sejak abad ke-16 dan seterusnya fokus penyelidikan juga bertumpu kepada status NLMA pada masa kini.

Akhirnya, penyelidikan telah diteruskan dengan menjawab persoalan *how to do*, yakni bagaimana hendak melaksanakan penyelidikan ini supaya dapat membuktikan bahawa penyelidikan ini penting untuk dilaksanakan.